

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LIM YI WEI**  
**(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : TAHAP PERKHIDMATAN WIFI SELANGORKU**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Menyusuli Mesyuarat Ketiga (Bajet) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2018, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan Wifi Selangorku?
- b) Apakah rancangan menaiktaraf infrastruktur Wifi Selangorku bagi tahun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) MBI melalui SMARTSEL, amat prihatin dan komited untuk memberikan perkhidmatan dengan mutu kualiti yang tinggi. Beberapa sesi perbincangan bersama pihak pembekal telah dijalankan pada awal bulan Mac 2019, pihak kami berjaya menaik taraf mutu perkhidmatan WiFi Smart Selangor tanpa sebarang kos tambahan seperti berikut, untuk kawasan yang berkeupayaan berdasarkan teknologi dan kualiti fizikal talian sedia ada (*the quality existing copper or fiber optic cables*):

Pembekal : TM

| Jaringan Angkutan Belakang (Backhaul) | Kelajuan Capaian (Access Speed) |          |
|---------------------------------------|---------------------------------|----------|
|                                       | Asal                            | Mac 2019 |
| Berasaskan Gentian Optik (Fiber)      | 1 Mbps                          | 4 Mbps   |
| Berasaskan xDSL                       | 1 Mbps                          | 4 Mbps   |

Pembekal: Celcom

Pihak SMARTSEL masih dalam perbincangan untuk menaik taraf jalur lebar yang digunakan dengan menggunakan kaedah data terkumpul. Melalui cara ini, pengguna sebanyak 50 SIMKAD (50 AP) akan dapat memaksimumkan penggunaan data dari data terkumpul sebanyak 1.5TB untuk setiap bulan.

- b) SMARTSEL Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor telah ditubuhkan pada penghujung tahun 2017 untuk menerokai penyelesaian digital alternatif dengan tujuan untuk merapatkan kesenjangan digital di antara penduduk di luar bandar dan bandar.

Salah satu inisiatif utama adalah menaik taraf infrastruktur WiFi Smart Selangor. Pada masa ini, SMARTSEL sedang membangunkan Perkakasan Komunikasi Teras (*Core Network*) dan *Node* sendiri bagi menaik taraf perkhidmatan jalur lebar di seluruh negeri Selangor. Projek ini berjalan mengikut fasa dan mengambil masa selama 3 – 5 tahun. Untuk tahun 2019, SMARTSEL merancang untuk membangunkan rangkaian komunikasi digital sendiri dengan menyediakan *Core Network* dan 6 *Node* di lokasi strategik yang terpilih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI**

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi terkini Kerajaan Negeri dalam hal ini?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi pembinaan dewan orang ramai yang baru?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, pembinaan dewan orang ramai dilaksanakan oleh PBT dan Pejabat Daerah di Negeri Selangor. Proses pembinaan di kedua-dua Jabatan tersebut adalah berdasarkan permohonan masyarakat setempat ataupun melalui perancangan bagi pembangunan di sesebuah kawasan. Walau bagaimanapun perkara ini adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan memandangkan pembinaan dewan orang ramai memerlukan kos yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Kerajaan Negeri melalui Belanjawan 2017 telah mencadangkan pembinaan 3 buah Dewan Banquet yang dilengkapi dengan kemudahan dan teknologi moden di Taman Melawati, Hulu Klang, Taman Bukit Mahkota, Kajang dan Bukit Beruntung, Hulu Selangor. Pelaksanaan pembangunan ini akan dilaksanakan secara usahasama antara PBT dan Menteri Besar Perbadanan (MBI) dalam tempoh 5 tahun selaras dengan Pelan Strategik Negeri Selangor 2018 hingga 2022 di bawah Strategi 3: Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Asas PBT/ luar bandar.

- b) Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta di bawah Vot P01/02005 – Kemudahan Awam/Asas Desa bagi kerja-kerja naiktaraf dan baikpulih kemudahan awam/asas di luar bandar termasuk Dewan Orang Ramai tertakluk kepada memenuhi kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PENGUATKUASAAN**

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Selangor untuk menyelesaikan masalah kekurangan penguatkuasaan semasa waktu malam untuk masalah seperti meletak kereta secara berleluasa, peniagaan lebih masa, meletak meja kerusi di kaki lima dan atas jalan?

**JAWAPAN:**

- a) Langkah penyelesaian masalah seperti meletak kereta secara berleluasa, peniagaan lebih masa, meletak meja kerusi di kaki lima dan atas jalan adalah:
- i) Kebanyakan PBT Negeri Selangor telah melaksanakan jadual bertugas sistem *shift*. Tanggungjawab setiap anggota adalah bagi mengambil tindakan ke atas apa-apa pelanggaran undang-undang selepas waktu pejabat dan cuti umum.
  - ii) Tindakan operasi perniagaan yang melebihi had masa biasanya dijalankan di pusat-pusat kecantikan, pusat hiburan, pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan (rumah urut), karaoke, pusat permainan snooker dan pusat siber. Bagi kesalahan perniagaan lebih masa ini, Peruntukan 10(1)(a), Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007 iaitu gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan boleh dikenakan kepada pengusaha.
  - iii) Manakala pengusaha restoran yang meletakkan meja kerusi di kaki lima perlu mendapatkan permit kerusi meja di PBT masing-masing. Pengusaha yang gagal boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu meletakan barang-barang yang berhubung dengan perniagaannya di tempat awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kaedah Kerajaan Negeri bagi menangani masalah penyewaan unit rumah Selangorku oleh pembeli kepada pihak ketiga tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri?
  
- b) Berapakah unit rumah Selangorku yang telah diambil tindakan kerana menyewakan kepada pihak ketiga?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Berkuasa Negeri telah menetapkan syarat-syarat permohonan yang ketat bagi memastikan bahawa Rumah Selangorku yang merupakan harta tanah kawalan diagihkan kepada golongan yang benar-benar berkelayakan bagi memastikan matlamat satu keluarga satu kediaman tercapai. Antara syarat yang ditetapkan adalah pemohon tidak memiliki sebarang jenis kediaman di Selangor. Penggenaan syarat tersebut adalah bagi memastikan bahawa pemohon yang ditawarkan rumah Selangorku akan memanfaatkan rumah Selangorku yang ditawarkan bagi tujuan kediaman yang dihuni sendiri dan bukan disewakan bagi tujuan pelaburan.

Sejak kebelakangan ini, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mula menerima aduan berhubung dengan penyewaan Rumah Selangorku. Ada di antara unit-unit rumah Selangorku ini yang dijadikan 'homestay' dan asrama pekerja mahu pun asrama pelajar. Malah, ada juga unit-unit Rumah Selangorku yang disewakan kepada warga asing yang menimbulkan masalah-masalah lain antaranya ancaman keselamatan, kacau ganggu dan sebagainya.

Bagi mengekang permasalahan ini daripada terus berleluasa, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menjalankan siasatan berhubung perkara ini dengan meneliti semula proses penawaran kepada pembeli-pembeli yang terlibat menyewakan unit-unit Rumah Selangorku;

- (ii) mengeluarkan notis bagi mendapatkan keterangan daripada pembeli yang menyewakan unit-unit Rumah Selangorku sepetimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 38 Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001;
- (iii) membuat tindakan penyelarasan bersama-sama dengan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menjalankan operasi bersepadu bagi kesalahan-kesalahan yang bersampingan dengan isu penyewaan ini antaranya membuat pengubahsuaian tanpa kelulusan, pendawaian haram, kepenghunian sesak dan kacau ganggu berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1971 (Akta 171) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- (iv) terlibat dalam operasi bersepadu bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan seperti telah diadakan pada 28 Januari 2019 di salah satu pangsapuri Rumah Selangorku di Klang;
- (v) telah mengarahkan pemaju yang membina Rumah Selangorku, Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan untuk mengambil tanggungjawab yang sewajarnya untuk menguatkuasakan undang-undang kecil di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Strata 2013 (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 antaranya mengawal selia penggunaan akses kad terhad kepada penghuni yang mendiami unit Rumah Selangorku;
- (vi) merangka undang-undang kecil tambahan untuk digunakan oleh semua Rumah Selangorku merangkumi peruntukan mengenakan tindakan punitif termasuk mengenakan denda terhadap mana-mana pelaku yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang kecil bagi memastikan kepatuhan penghuni Rumah Selangorku bagi menjamin tahap keselamatan dan kesihatan keselesaan dan kenikmatan pemilik dan penghuni Rumah Selangorku; dan
- (vii) membuat koordinasi pengurusan aduan penyewaan dan penguatkuasaan ini bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan melalui Bengkel Manual Pengurusan dan Penyenggaraan Rumah Selangorku di mana satu manual berhubung tatacara seragam pengurusan serta penyenggaraan bagi Rumah Selangorku telah disediakan sebagai langkah pencegahan serta pengawalan daripada permasalahan ini daripada terus berulang.

- b) Rumah Selangorku yang telah diambil tindakan kerana menyewakan kepada pihak ketiga:-
- i) Lanjutan daripada aduan yang diterima oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi kes sewaan unit rumah Selangorku (RSKU) kepada pihak ketiga, sebanyak **enam (6) unit RSKU** di Pangsapuri Azaria, Klang telah dikeluarkan notis secara pentadbiran oleh LPHS di bawah Seksyen 38 (2) Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001 yang mana pengeluaran notis ini difokuskan kepada pemilik yang menyewakan unit RSKU kepada warga asing. Di bawah seksyen ini pemilik unit boleh disabitkan kesalahan sekiranya gagal memberikan maklumat yang dikehendaki mengikut sub seksyen (2) atau memberi jawapan atau maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa jua bentuk ketika membuat permohonan untuk mendapatkan unit RSKU yang dengan jelas menetapkan syarat hanya mereka yang belum memiliki rumah sahaja boleh memohon RSKU. Sehubungan dengan itu, dalam keadaan pemilik menyewakan unit RSKU mereka kepada pihak lain boleh disifatkan sebagai pemilik telah memiliki rumah semasa permohonan dibuat. Ekoran daripada pengeluaran notis tersebut, beberapa unit telah dikosongkan oleh pemilik yang terlibat.
  - ii) Semasa Operasi Penguatkuasaan Bersepadu yang telah dilaksanakan oleh pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Pembandaran Klang (MPK) pada 28 Januari 2019 bersama-sama Jabatan Bangunan MPK, Jabatan Kesihatan MPK, Jabatan Penguatkuasaan MPK dan Unit Penguatkuasaan LPHS **satu (1) notis** kesalahan telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Bangunan MPK di atas kesalahan membuat ubahsuai / tambahan tanpa kebenaran di bawah Akta 133.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN WONG SIEW KI**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : E-KASIH**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sistem E-Kasih masih mengambil masa untuk diubahsuaikan dengan keadaan rakyat Selangor walaupun telah dimula gunapakai di Selangor. Adakah kerajaan Selangor akan bekerjasama dengan kerajaan persekutuan untuk mengubahsuaikan sistem ini supaya ia boleh membezakan status B40 yang berlainan mengikut keadaan negeri-negeri?

**JAWAPAN:**

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan daripada:

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi Bin Mohd Mokhtar (MERU) – soalan 69 & 207;

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (MORIB) – soalan 86;

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (BUKIT LANJAN) – soalan 51; dan

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungip (HULU KELANG) – soalan 248

Tuan Speaker,

Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan juga Data eKasih yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini.

Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah penjenamaan semula Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu.

Retreat EXCO 2018 pada 13 hingga 16 Ogos 2018 telah memutuskan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membentangkan keberkesanan dan keperluan penjajaran program IPR dengan mengambil kira perkara seperti berikut :

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);

- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 1/2019 melalui cabutan minit yang telah disahkan pada 26 Januari 2019 telah memutuskan bahawa keperluan mengenai penjajaran dan penyusunan semula IPR perlu dimuktamadkan segera mengikut cadangan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sehubungan itu, UPEN telah menganjurkan Persidangan Pengendali IPR pada 25 hingga 26 Februari 2019 bertempat di Hotel *Best Western*, *i-City* Shah Alam dengan menghimpunkan sebanyak 43 pengendali IPR Negeri Selangor bagi membincangkan cadangan penjajaran dasar dan program IPR sedia ada dan seterusnya memperkasakan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 20 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
  - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 14 Program IPR); dan

- b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR)

(Rujuk lampiran I untuk butiran lanjut)

Walau bagaimanapun, kesemua cadangan penajaran program IPR ini akan dibentangkan secara terperinci semasa Retreat Exco yang akan diadakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019 bagi mendapatkan keputusan dasar pelaksanaan yang akan dimuktamadkan kelak oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini semua Program IPR masih berjalan seperti biasa dan tidak akan dimansuhkan malah sebaliknya dijajarkan bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebijakan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat IPR Selangor.

Bagi pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak ICU, JPM supaya Sistem eKasih digunakan sebagai satu sumber data asas dalam proses verifikasi penerima bantuan. Selain itu, UPEN juga sedang dalam peringkat perbincangan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan Data Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam proses verifikasi penerima pada masa akan datang.

Pada masa kini, pihak Kerajaan Negeri sedang membangunkan Sistem *Smart IPR* yang dicadangkan sebagai *One Stop Center* untuk semua permohonan IPR melalui portal atau aplikasi *mobile* di mana maklumat permohonan untuk semua skim disimpan dalam satu data berpusat dan boleh diakses oleh semua pihak. Sistem *Smart IPR* ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan seterusnya akan siap digunakan secara berperingkat mulai Bulan Februari 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**  
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : INDUSTRI PERTANIAN**

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri untuk menggalakkan anak muda untuk industri pertanian?
- b) Nyatakan dan perbandingan berapa kluasan tahan pertanian yang masih diusaha sejak tahun 2007-2019.
- c) Apakah tindakan kerajaan untuk menggalakkan kegunaan teknologi dalam sektor pertanian?

**JAWAPAN:**

- a) Sektor pertanian adalah merupakan aktiviti ekonomi yang amat penting khususnya bagi memastikan bekalan makanan (*food security*) sentiasa berada pada tahap yang memuaskan. Sehubungan dengan itu, banyak program-program yang bertunjangkan peningkatan pengeluaran hasil pertanian dan juga pendapatan (sumber ekonomi) golongan petani, penternak dan nelayan terus diberikan keutamaan.

Namun begitu, dengan golongan pengusaha sektor pertanian yang semakin meningkat usia (*aging population*) Kerajaan Negeri telahpun mengambil langkah-langkah awal bagi memastikan sektor pertanian terus menjadi suatu sektor yang diminati khususnya golongan muda dengan mewujudkan Program Agropreneur Muda Selangor (AMSEL).

Sejak tahun 2015, Kerajaan Negeri telah berjaya memperkasakan seramai 180 agropreneur muda dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3,344,842.00 melalui bantuan peralatan dalam pelbagai sektor seperti tanaman, penternakan dan akuakultur untuk tahun-tahun yang mendatang. Begitu dengan pelaksanaan program seminar dan kursus yang berkaitan dengan sektor pertanian telah berjaya kehadiran seramai 1,044 peserta muda dari seluruh Negeri Selangor.

Berdasarkan dari faktor tersebut, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan Program Agropreneur Muda Selangor (AMSEL) dengan pendekatan pemerkasaan agropreneur sedia ada melalui bantuan peralatan, program kesedaran (*awareness*) berkenaan dengan sektor pertanian melalui seminar dan kursus serta pembukaan kawasan pertanian yang baharu khusus untuk golongan tersebut menimba pengalaman dan seterusnya memulakan projek pertanian mereka.

- b) Jumlah keluasan tanah untuk pertanian pada ketika ini adalah seluas 68,588 hektar dan ianya dijangka akan berkurangan kepada 65,056 pada tahun 2021. Penyusutan keluasan tanah untuk pertanian adalah disebabkan oleh pertembungan guna tanah dengan sektor pembinaan khususnya dengan pembinaan dan pembukaan banyak kawasan-kawasan kediaman dan juga komersial serta tanah-tanah untuk tujuan perindustrian. Ini juga adalah merupakan kesan dari status Negeri Selangor sebagai sebuah Negeri Maju yang menjadi tumpuan rakyat dari seluruh Negera untuk tinggal dan bekerja di Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah proaktif telah mula diambil oleh Kerajaan Negeri dengan mempromosikan dan menggalakkan projek-projek pertanian yang berteknologi tinggi dan moden di mana ianya boleh mendatangkan hasil dan pendapatan yang tinggi walaupun dengan penggunaan keluasan tanah yang minima sebagai contoh tanaman berkonsepkan system fertigasi.

Dalam masa yang sama juga, pewartaan tanah-tanah untuk tujuan bekalan makanan (*food security*) di dalam program Taman Kekal Pertanian Makanan (TKPM) telah dijadikan agenda utama bagi memastikan Kawasan-kawasan pertanian akan terus terpelihara. Ini termasuk juga dengan perancangan Kerajaan Negeri untuk membuka lebih banyak tanah-tanah pertanian yang baharu khususnya di Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor yang termasuk di dalam Kluster Pertanian dengan memberikan penumpuan kepada projek-projek pertanian yang bernilai tinggi (*High Value Agriculture Products*) dengan keluasan yang minima.

- c) Penggunaan teknologi dalam sektor pertanian adalah selari dengan dasar *IR 4.0* (*Industrial Revolution 4.0*) yang memberi penekanan kepada aspek inovasi teknologi pertanian seperti penggunaan peralatan berteknologi tinggi, sensori, robotik, *GPS* (*Global Positioning System*) dan *Internet Of Thing* (*IOT*).

Pada ketika ini, telahpun ada golongan agropreneur yang telah menggunakan peralatan moden (gajet) ini atau peranti khas bagi urusan harian untuk kerja-kerja

di tapak pertanian seperti penggunaan sistem untuk pengairan (*irrigation*) serta pembajaan, pengawalan suhu, termasuk juga pengawalan dari segi tahap kemanisan serta kerangupan hasil buah dan juga pengawalan pembajaan dan pengairan secara atas talian.

Program Agrobandar yang telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun 2019 akan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi-teknologi moden bagi pengeluaran hasil yang tinggi tetapi dengan penggunaan tanah yang minima dan iaanya dijangka boleh menarik minat golongan muda khususnya untuk menceburi sektor pertanian.

Di samping itu juga, satu program khusus iaitu Program Centre Of Excellent (COE) sedang diperingkat penyediaan dan dijangka akan siap dalam tempoh 3 bulan yang terletak di dalam kawasan Jabatan Pertanian Daerah Gombak/Petaling telah disediakan untuk tujuan sebagai tempat latihan serta lawatan oleh masyarakat yang berminat untuk menceburi bidang pertanian. Kawasan tersebut akan dipersiapkan dengan projek-projek pertanian moden termasuk sebuah *Plant Factory* (*PF*) di mana tanaman dibuat di dalam bangunan tertutup dengan cahaya lampu sebagai sumber tumbesaran tanaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**  
**(N11 IJOK)**

**TAJUK : JALAN RAYA ROSAK**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah langkah2 atau tindakan tegas dari pihak berkenaan untuk memantau jalan2 di kampung?

**JAWAPAN:**

- b) Salah satu punca menyebabkan kerosakan jalan ialah kenderaan-kenderaan berat yang menggunakan jalan tersebut (jalan penghubung) untuk mengalihkan muatan dari satu tempat ke tempat yang lain.

Perkara ini telah beberapa kali dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) Kuala Selangor yang mana ahli-ahli mesyuarat adalah terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan mahupun wakil-wakil agensi yang berkenaan.

Sekiranya kenderaan berat ini adalah melibatkan pemegang permit bahan batuan, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor (PDTKS) akan memotong deposit infrastruktur yang dicarum oleh pemegang-pemegang permit ini bagi membaiki kerosakan jalan tersebut. PDTKS juga tidak teragak-agak untuk membatalkan permit atau tidak memperbaharui permit tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN KAWASAN RIZAB**

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat usaha di peringkat negeri untuk memperbanyakkan taman-taman kecil di kawasan-kawasan rizab yang tidak digunakan?

**JAWAPAN:**

- a) Cadangan untuk menggunakan tanah rizab sebagai kawasan lapang hanya akan dipertimbangkan bagi rizab-rizab yang selaras dengan kegunaan asal rizab tersebut seperti zon penampang atau tapak kemudahan yang masih belum dibina seperti tapak tadika, surau atau balairaya.

Secara dasarnya pihak PBT boleh memohon rizab tersebut (rizab yang tidak digunakan) untuk dijadikan taman di atas persetujuan agensi sebagai pemilik tanah rizab tersebut. Pelbagai usaha telah dibuat oleh PBT di kawasan-kawasan rizab bagi mengelakkan kawasan daripada bersemak dan menjadi kacau ganggu kepada penduduk. Sebagai contoh taman-taman kecil / rezab kawasan lapang yang tidak digunakan dijadikan kebun komuniti / kejiraninan oleh persatuan - persatuan penduduk di kawasan berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : TAPAK PAKIR KERETA**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah kekurangan atau ketiadaan tapak pakir kereta di kawasan perumahan kos rendah?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia meluluskan permit kepada pemilik rumah kos rendah untuk membina garaj di tanah lapang yang bersesuaian berdekatan rumah mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Sebelum tahun 2010, Garis Panduan Piawaian Perancangan Negeri Selangor telah memperuntukkan penyediaan 1 unit tempat letak kereta atau pakir bagi setiap 2 unit rumah kos rendah. Bagi menambahbaik kawasan flat rumah kos rendah, keperluan garis panduan penyediaan tempat letak kereta telah dipinda kepada 1 unit pakir bagi setiap unit rumah Selangorku (Jenis A).

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedia maklum masih terdapat kekurangan pakir disesetengah flat rumah kos rendah. Oleh yang demikian, pihak pengurusan bangunan rumah kos rendah ini hendaklah berperanan dalam mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dijadikan tambahan petak tempat letak kereta dengan persetujuan semua penghuni.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus utama Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan konsep pembangunan adalah untuk mencapai sasaran 60 peratus penggunaan pengangkutan awam menjelang 2035. Dalam usaha mencapai sasaran ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Bas Smart Selangor untuk kemudahan orang ramai menggunakan secara percuma dan kawasan perumahan kos rendah adalah menjadi keutamaan semasa perancangan cadangan laluan baru Bas Smart Selangor sebagai salah satu alternatif bagi menyelesaikan masalah kekurangan tapak pakir kereta.

- b) Berdasarkan Pekeliling Kawasan Lapang Negeri Selangor, kawasan lapang yang telah disediakan adalah bagi tujuan aktiviti riadah atau reaksi awam untuk penduduk setempat. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui PBT tidak berhasrat untuk mempertimbangkan sebarang pembinaan garaj pakir di kawasan lapang kerana bercanggah dengan peraturan yang berkuatkuasa. Sekiranya pertimbangan diberikan, ia boleh menimbulkan masalah yang lebih kritikal sebagai contoh:
- sesuatu kawasan perumahan akan kelihatan lebih tidak terurus dan mencacatkan pandangan awam;
  - dengan adanya struktur-struktur tambahan yang tidak terkawal, akan menimbulkan masalah-masalah seperti kawasan tersebut akan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes;
  - aduan dari masyarakat akan bertambah kerana adanya pertelingkahan merebut kawasan di antara penduduk di dalam sesuatu kawasan kejiran; dan
  - kesukaran pihak berkuasa untuk mengawal dan mengatasi pembinaan struktur haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KELEWATAN PEMBEKALAN BAJA SUBSIDI UNTUK PESAWAH DUN  
SUNGAI BURONG**

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Sedar terdapat kelewatan pembekalan baja subsidi untuk pesawah di kawasan DUN Sungai Burong bagi musim 01/2019
- b) Apakah punca-punca kelewatan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sedar terdapat kelewatan pembekalan baja subsidi untuk pesawah khususnya di kawasan Sawah Sempadan dan Sungai Burong.
- b) Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengakui wujud kelewatan sedikit bagi penghantaran baja subsidi pada tahun ini disebabkan kementerian perlu menunggu kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan untuk menyambung kontrak Skim Insentif Pengeluaran Padi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Kelewatan berlaku selama seminggu dan telah diselesaikan dengan segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : BANJIR KILAT**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak berkaitan mempunyai solusi kepada masalah banjir kilat yang sering berlaku di Taman Serendah Makmur,Serendah dan juga di persimpangan tol Bukit Beruntung yang berpunca daripada masalah sistem perparitan yang tidak di selia dengan baik?

**JAWAPAN:**

- a) Masalah banjir kilat di Taman Serendah Makmur, dalam tindakan pihak Majlis Daerah Hulu Selangor untuk usaha secara berperingkat atasi limpahan air dari anak sungai berhampiran. Kawasan banjir melibatkan jalan masuk sahaja dan kawasan tersebut ada anak sungai yang bukan dibawah skop penyelenggaraan Majlis Daerah Hulu Selangor.

Manakala isu banjir di persimpangan Tol Bukit Beruntung adalah dibawah skop Jabatan Kerja Raya (JKR) Hulu Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PROSEDUR TERKINI PENYAMPAIAN SUMBANGAN SKIM MESRA  
USIA EMAS (SMUE)**

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur terkini penyampaian sumbangan Skim Mesra Usia Emas (SMUE)?
- b) Adakah berlaku sebarang penyelewengan wang atau ketidakpatuhan prosedur semenjak skim ini diperkenalkan? Nyatakan.

**JAWAPAN:**

- a) Prosedur yang diamal pada waktu ini bagi melaksanakan penyampaian sumbangan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) adalah seperti berikut:
  1. Penama menghantar tuntutan bayaran fasa pertama sebanyak RM1000 di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di daerah yang beliau tinggal dengan mengemukakan borang daftar keahlian (jika belum daftar) serta dokumen lain seperti salinan sijil kematian ahli yang berdaftar, salinan kad pengenalan ahli dan juga salinan kad pengenalan penama.
  2. Petugas pejabat daerah menyemak status pendaftaran pemohon dan nama waris yang direkodkan ke dalam sistem. Petugas akan memastikan rekod ahli telah wujud dan nama waris adalah sama dan mempunyai hubungan yang dibenarkan dan status rekod sudah disemak oleh pihak YAWAS.
  3. Pembayaran fasa pertama (RM1000) dibuat dengan mengisi borang Tuntutan Bayaran yang perlu ditanda tangan oleh penama sebagai perakuan penerimaan bayaran.
  4. Petugas PDT akan merekodkan pembayaran fasa pertama tersebut ke dalam sistem.
  5. Dalam tempoh enam puluh hari (60) selepas itu, pembayaran fasa kedua (RM1500) akan dibuat oleh PDT.

6. Petugas PDT akan merekodkan pembayaran fasa kedua tersebut ke dalam sistem.

Prosedur ini telah digunakan sebaik sahaja DUN Selangor dibubarkan pada 9hb April 2018 dan sehingga kini masih terus dipakai sehinggalah selesai proses penjajaran IPR dalam masa terdekat.

- b) Sepanjang tempoh saya dilantik menjadi EXCO, tidak ada sebarang penyelewengan wang atau ketidakpatuhan prosedur yang dilaporkan kepada pihak kami.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA**

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak Kerajaan Negeri akan tetap melaksanakan penajaran semula Program Air Percuma dengan memfokuskan kepada golongan B40 semata-mata seperti yang dicadangkan dalam Belanjawan Negeri 2019?
  
- b) Selain dari faktor penjimatan, apakah justifikasi lain di sebalik keputusan penajaran semula Program Air Percuma?

**JAWAPAN:**

Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 123), Yang Berhormat Kota Anggerik (Soalan No. 173), Yang Berhormat Templer (Soalan No.179), Yang Berhormat Balakong (Soalan No. 225) dan Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 270).

Untuk makluman Yang Berhormat semua, Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu memang telah dilaksanakan bermula pada 01 Jun 2008 dan masih berjalan seperti sedia kala. Sepanjang pelaksanaan program ini, Kerajaan Negeri telah memberikan kemudahan ini kepada semua penduduk Negeri Selangor tanpa mengira lapisan masyarakat dan pendapatan walaupun matlamat asal Program ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan cadangan Penajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma seperti berikut:-

- (i) Isi padu air percuma di Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dinaikkan daripada 20 meter padu kepada 25 meter padu;
- (ii) Penjajaran semula Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dikuatkuasakan pada 01 Julai 2019 bagi melengkapkan data pengguna oleh Air Selangor. Pengguna yang layak menerima air percuma sebanyak 25 meter padu ini adalah daripada kalangan Kategori B40 yang berdaftar dalam rekod E-Kasih;
- (iii) Pendaftaran berterusan E-Kasih akan dilaksanakan bagi pengguna yang belum didaftarkan;
- (iv) Kadar minimum pendapatan isi rumah bagi Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma ditetapkan pada RM2,000.00 sebulan; dan
- (v) Penjelasan terperinci hendaklah diberikan kepada rakyat Negeri Selangor melalui *public engagement* yang dibuat oleh Air Selangor melibatkan semua Ahli Dewan Negeri Selangor, Penghulu dan Ketua Kampung menerusi Pejabat Tanah dan Daerah, Ahli-ahli Majlis dan JMB menerusi Pihak Berkuasa Tempatan.

Bermula dari 01 Julai 2019, Program Pemberian Air Percuma ini hanya akan diberikan khusus kepada golongan sasar dalam kumpulan B40 yang berdaftar dengan E-Kasih. Golongan pendapatan isi rumah B40 adalah merujuk kepada pendapatan isi rumah bulanan di bawah RM6,180.00 (bagi Negeri Selangor) berdasarkan kepada rekod Penyiasatan Pendapatan Isi rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA) 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kumpulan isi rumah B40 juga termasuk isi rumah miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagaimana yang ditetapkan dalam Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2016, Kementerian Ekonomi Malaysia (MEA), iaitu nilai PGK nasional adalah RM980.00 sebulan.

E-Kasih adalah satu pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan yang mana semua Ketua Isi Rumah (KIR) yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 (Bandar) atau RM1,000 (Luar Bandar) sebulan adalah digalakkan mendaftar. Data E-Kasih ini merangkumi profil individu, program/bantuan yang

diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) mengikut Penetapan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor iaitu RM1,500.

Di dalam melaksanakan penjajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) akan melaksanakan padanan (intergrasi) data E-Kasih dengan rekod akaun pengguna domestik Air Selangor. Melalui semakan awal, dianggarkan terdapat 13,000 nama yang layak untuk mendapat manfaat di bawah Program ini.

Bagi nama-nama yang tidak ada dalam E-Kasih, semakan akan dibuat menggunakan data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Mengikut rekod BSH data tahun 2018, dianggarkan seramai 400,000 nama layak mendapat manfaat Program Pemberian Air Percuma ini, namun padanan data akan dilaksanakan dengan rekod akaun pengebilan di Air Selangor.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri memohon kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat menggalakkan semua pengguna yang layak untuk mendaftar dengan EKasih dan LHDN bagi memastikan mereka boleh secara automatik menikmati Program Air Percuma ini.

Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan data bank bagi penerima IPR ini melalui sistem *Smart IPR* untuk memastikan semua penerima yang layak menerima insentif IPR ini tidak dipinggirkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : TKPM SUNGAI KELAMBU DI RIZAB HUTAN**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini daripada Jabatan Perhutanan Selangor dalam permohonan Jabatan Pertanian untuk menjadikan hutan simpanan Kuala Langat Selatan di Sungai Kelambu untuk tujuan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)?

**JAWAPAN:**

- a) Kawasan yang dimaksudkan ialah Sebahagian Kompt.7, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan yang berkeluasan lebih kurang 83 ha di mana ianya dijadikan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor untuk aktiviti tanaman kontan. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang merangka satu program pemutihan ke atas kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diceroboh untuk diberikan Permit Penggunaan selaras dengan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 kepada peserta-peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) seramai 19 peserta bersekali dengan peneroka-peneroka asal daripada penduduk Kg Sg Kelambu, Kg Labuhan Dagang, Penduduk Orang Asli Bukit Tadum dan pekebun-pekebun sayur dari Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Pantai Selangor yang berkeluasan seluas 1,257.7 ha melibatkan 389 peserta. Maklumat-maklumat mengenai kawasan yang terlibat telahpun diperolehi dan Kertas Ringkasan Cadangan Kelulusan Pemberian Permit Penggunaan sebagaimana termaktub di dalam Seksyen 32, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 di bawah Program Pemutihan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan melalui kaedah konsep Perhutanan Tani. Kertas kerja ini telah disediakan dan akan diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk tindakan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : RUMAH IBADAT**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan menstruktur semula rumah-rumah ibadat yang didirikan secara haram bagi mengelakan kes seperti kuil Mahamariaman di Seafield USJ?
- b) Apakah tindakan pihak PBT untuk mengawal pembinaan rumah ibadat persendirian yang didirikan di dalam komound persendirian penduduk Taman?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited menyediakan tapak kemudahan ibadat yang kondusif dengan memastikan setiap pembangunan baru perlu menyediakan kemudahan-kemudahan mengikut Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ke 2). Bagi pembangunan baru tapak rumah ibadat, kerajaan negeri akan memastikan semua pembangunan adalah berdaftar dengan mengemukakan permohonan merancang selaras dengan keperluan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Bagi rumah-rumah ibadat yang didirikan tanpa kebenaran, Kerajaan Negeri menggunakan Garis Panduan Tatacara Penguatkuasaan ke atas Rumah Ibadat Selain Islam dan Tempat Penyembahan di bina Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor yang berkuatkuasa sejak 1 Februari 2014.

Dalam pada itu, sebarang rumah ibadat selain Islam yang telah dibina sebelum tahun 2008 diberi pertimbangan untuk dikenakan tertakluk kepada tatacara pihak berkuasa atau dipindahkan ke kawasan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

- b) PBT Negeri Selangor sentiasa membuat pemantauan ke atas struktur-struktur binaan yang dibina termasuk rumah-rumah ibadat. Notis arahan merobohkan atau mengalihkan binaan ke lokasi lain kepada pemilik rumah ibadat persendirian di kawasan perumahan akan dikeluarkan sekiranya binaan tersebut :

- i. Menimbulkan halangan kepada orang awam seperti mendirikan atau meletakkannya di atas kawasan yang diselenggara oleh pihak PBT seperti kawasan hijau di luar garisan sempadan / luar pagar bahagian hadapan / tepi rumah, di lorong belakang, atas longkang atau di atas laluan pejalan kaki,
- ii. Menimbulkan kacau ganggu seperti menyebabkan rasa kurang selesa pada penduduk setempat,

Sebarang tindakan perobohan / penguatkuasaan yang dijalankan akan menggunakan Garis Panduan Tatacara Penguatkuasaan ke Atas Rumah Ibadat Selain Islam dan Tempat Penyembahan di Bina Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor yang telah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2014.

Walaubagaimana pun, tidak menjadi kesalahan bagi binaan rumah ibadat yang didirikan di dalam kompaun persendirian penduduk selagi ianya mudah alih dengan saiz binaan yang kecil serta tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu kepada penduduk setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kajian yang telah dilaksanakan oleh IDE dari tahun 2015-2016?
- b) Berapakah jumlah peruntukan atau geran tahunan yang diperuntukan untuk operasi IDE?
- c) Nyatakan jumlah kakitangan IDE setakat ini?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN MASIH BELUM DITERIMA DARIPADA INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PROJEK NAIKTARAF JALAN BUKIT KEMUNING FT190**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cadangan kerajaan berkenaan jalan ini dan apakah status terkini cadangan projek naiktaraft Jalan Bukit Kemuning FT190?
- b) Apakah tindakan kerajaan dalam usaha membaiki jalan ini sementara menunggu kelulusan projek naiktaraft?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak JKR Negeri Selangor telah melaksanakan Kajian Trafik dan menyediakan brief projek serta anggaran kos projek Jalan FT190 bermula dari persimpangan Bukit Kemuning melalui Bulatan Lima, Jalan Kebun sehingga ke persimpangan Kesas. Cadangan projek ini melibatkan skop pelebaran jalan sedia ada sepanjang 10km kepada *dual carriageway 4 lanes* dengan piawaian U5 dan pembinaan *flyover* di Bulatan 5.

Permohonan projek ini telah dikemukakan kepada pihak JKR Ibu Pejabat pada 21 Februari 2019 dan telah diangkat kepada Kementerian Kerja Raya pada 28 Februari 2019 untuk dipohon kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk dilaksanakan di dalam RP5-2020. (*Rolling Plan ke-5 – 2020*).

- b) Keadaan jalan FT190 menjadi laluan kenderaan berat menyebabkan laluan tersebut rosak dengan cepat dan pemandu kenderaan berat kerap meletakkan kenderaan mereka secara haram di bahu jalan menyebabkan hujung jalan terhakis dan berlubang di mana secara tidak langsung akan menyebabkan *surface runoff* bertakung di tepi jalan. Disebabkan ini struktur pavemen laluan tersebut sering mengalami kerosakan walaupun telah disenggara secara rutin iaitu tampaikan *potholes* dan lain-lain. Oleh itu, peruntukan berjumlah RM4.35 Juta bagi tahun 2019 telah dipohon bagi jalan FT190 Jalan Bukit Kemuning serta pihak JKR telah menyenaraikan lokasi ini dalam senarai keperluan mendesak/ keutamaan dalam permohonan peruntukan kepada pihak Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Walau bagaimanapun, pihak JKR dan melalui syarikat konsesi sentiasa menjalankan penyenggaraan rutin bulanan seperti RO1 – penampalan *pothole*, RO2 – pembaikan bahu jalan dan lain-lain bagi menjaga keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BAS SMART SELANGOR**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah Kerajaan Negeri dapat menambah peruntukan untuk Bas Smart Selangor untuk tahun 2020?
  - b) Memandangkan DUN Pandamaran memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam melalui Pekan Pandamaran, Kampung Raja Uda dan Pekan Pelabuhan Klang, oleh itu adakah Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan permohonan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan Kerajaan Negeri bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor pada masa ini masih dikekalkan sebanyak RM30 juta yang hanya mencukupi bagi meneruskan perkhidmatan sedia ada. Sebarang penambahan peruntukan Bas Smart Selangor pada tahun hadapan (2020) adalah tertakluk kepada keupayaan kewangan, namun peruntukan negeri adalah terhad bagi keperluan projek dan program pembangunan yang lebih penting dan menjadi keutamaan.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, penyediaan pengangkutan sama ada perkhidmatan bas, rel dan kereta api seharusnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Namun demikian, penyediaan perkhidmatan bas ini oleh Kerajaan Negeri hanyalah inisiatif bagi melengkapi jaringan sosial mengikut kemampuan dan keupayaan kewangan semasa Kerajaan Negeri. Bagi kawasan yang dinyatakan iaitu Pekan Pandamaran, Kg. Raja Uda dan Pekan Pelabuhan Klang, cadangan laluan perlu melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi penelitian serta kajian lanjut dan sekiranya cadangan tersebut menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan, cadangan laluan boleh diketengahkan di dalam Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, pelaksanaan laluan baru adalah tertakluk kepada lebihan peruntukan yang mencukupi atau dibiayai sepenuhnya oleh PBT.

## **INFO TAMBAHAN**

Berdasarkan semakan dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), kawasan-kawasan tersebut telah mempunyai perkhidmatan bas oleh penyedia perkhidmatan seperti berikut:

- (a) Pekan Pandamaran : Wawasan Sutera
- (b) Kg. Raja Uda : Handal Indah / Causewaylink
- (c) Pekan Pelabuhan Klang : Handal Indah / Causewaylink dan Wawasan Sutera

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : STATUS TERKINI ISU PEMANSUHAN SUBSIDI AIR**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini berkaitan dengan isu air yang dikatakan mahu dinaikkan kadarnya serta pemansuhan subsidi air?

**JAWAPAN:**

Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 123), Yang Berhormat Kota Anggerik (Soalan No. 173), Yang Berhormat Templer (Soalan No.179), Yang Berhormat Balakong (Soalan No. 225) dan Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 270).

Untuk makluman Yang Berhormat semua, Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu memang telah dilaksanakan bermula pada 01 Jun 2008 dan masih berjalan seperti sedia kala. Sepanjang pelaksanaan program ini, Kerajaan Negeri telah memberikan kemudahan ini kepada semua penduduk Negeri Selangor tanpa mengira lapisan masyarakat dan pendapatan walaupun matlamat asal Program ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan cadangan Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma seperti berikut:-

- (i) Isi padu air percuma di Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dinaikkan daripada 20 meter padu kepada 25 meter padu;
- (ii) Penjajaran semula Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dikuatkuasakan pada 01 Julai 2019 bagi melengkapkan data pengguna oleh Air Selangor. Pengguna yang layak menerima air percuma sebanyak

25 meter padu ini adalah daripada kalangan Kategori B40 yang berdaftar dalam rekod E-Kasih;

- (iii) Pendaftaran berterusan E-Kasih akan dilaksanakan bagi pengguna yang belum didaftarkan;
- (iv) Kadar minimum pendapatan isi rumah bagi Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma ditetapkan pada RM2,000.00 sebulan; dan
- (v) Penjelasan terperinci hendaklah diberikan kepada rakyat Negeri Selangor melalui *public engagement* yang dibuat oleh Air Selangor melibatkan semua Ahli Dewan Negeri Selangor, Penghulu dan Ketua Kampung menerusi Pejabat Tanah dan Daerah, Ahli-ahli Majlis dan JMB menerusi Pihak Berkuasa Tempatan.

Bermula dari 01 Julai 2019, Program Pemberian Air Percuma ini hanya akan diberikan khusus kepada golongan sasar dalam kumpulan B40 yang berdaftar dengan E-Kasih. Golongan pendapatan isi rumah B40 adalah merujuk kepada pendapatan isi rumah bulanan di bawah RM6,180.00 (bagi Negeri Selangor) berdasarkan kepada rekod Penyiasatan Pendapatan Isi rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA) 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kumpulan isi rumah B40 juga termasuk isi rumah miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagaimana yang ditetapkan dalam Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2016, Kementerian Ekonomi Malaysia (MEA), iaitu nilai PGK nasional adalah RM980.00 sebulan.

E-Kasih adalah satu pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional oleh Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan yang mana semua Ketua Isi Rumah (KIR) yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 (Bandar) atau RM1,000 (Luar Bandar) sebulan adalah digalakkan mendaftar. Data E-Kasih ini merangkumi profil individu, program/bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) mengikut Penetapan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor iaitu RM1,500.

Di dalam melaksanakan penjajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air

Selangor) akan melaksanakan padanan (intergrasi) data E-Kasih dengan rekod akaun pengguna domestik Air Selangor. Melalui semakan awal, dianggarkan terdapat 13,000 nama yang layak untuk mendapat manfaat di bawah Program ini.

Bagi nama-nama yang tidak ada dalam E-Kasih, semakan akan dibuat menggunakan data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Mengikut rekod BSH data tahun 2018, dianggarkan seramai 400,000 nama layak mendapat manfaat Program Pemberian Air Percuma ini, namun padanan data akan dilaksanakan dengan rekod akaun pengebilan di Air Selangor.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri memohon kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat menggalakkan semua pengguna yang layak untuk mendaftar dengan EKasih dan LHDN bagi memastikan mereka boleh secara automatik menikmati Program Air Percuma ini.

Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan data bank bagi penerima IPR ini melalui sistem *Smart IPR* untuk memastikan semua penerima yang layak menerima insentif IPR ini tidak dipinggirkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : MEMPERKENALKAN BANK DATA PEMOHON IPR**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan bank data bagi pemohon IPR melalui satu sistem digital atau portal bagi memudahkan perekodan permohonan dan pengurusan Kerajaan Negeri ?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui syarikat Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) secara proaktifnya telah melantik syarikat Smart Tech Tank Sdn Bhd pada 01 Mac 2019 untuk pembangunan bank data bagi projek Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) untuk perekodan permohonan dan pengurusan IPR Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi enam (6) kluster iaitu kluster kebajikan, kekeluargaan, pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan perniagaan, dan perumahan yang melibatkan empat puluh tiga (43) skim IPR.

Sistem Smart IPR ini juga merupakan portal gerbang digital IPR bagi memudahkan urusan pemohon IPR memohon secara atas talian dan akan dibangunkan secara berfasa yang merangkumi pembangunan portal digital IPR, *back office*, *mobile app*, pangkalan data, API bagi pengintegrasian sistem dan latihan kepada pentadbir dan pengguna sistem.